

07/07/2002

Siapalah kita tanpa pembaca!

SERONOK bersantai bersama suku-sakat teman dan keluarga masing-masing di sebuah resort di Port Dickson hujung minggu lalu. Tiada bintang-bintang dan tiada langsung sentuhan glamour. Semuanya santai habis, lalu terukirlah satu kenangan paling manis di kotak minda teman.

Bertambah manis apabila seorang pembaca setia Bintang Populer tiba-tiba muncul memperkenalkan dirinya. Katanya, dia benar-benar gembira kerana akhirnya dia dapat bertentang mata dengan teman dan melihat kelibat orang di Bintang Populer.

Kalau ikutkan hati mahu saja teman bersembang panjang dengannya di tepi kolam renang. Mahu tahu juga maklum balas mengenai akhbar sisipan ini. Siapa lagi yang layak memberi komen kalau tidak pembaca budiman sendiri. Tetapi apakan daya, kerana malam sudah larut dan badan pun sudah penat akibat 'didera' dalam acara telematch petang itu.

Bagaimanapun, teman menghulurkan salam perkenalan kepada wanita manis bertudung litup itu. Barangkali kita boleh bersembang panjang via e-mel. Terima kasih kepada dunia siber! Atau kalau ada kelapangan datanglah ke Arena Of Stars di Genting Highlands pada Oktober ini untuk menyaksikan acara gilang-gemilang Anugerah Bintang Populer Berita Harian 2002.

Maaflah tarikhnya belum ditetapkan lagi kerana teman dan suku-sakat sedang sibuk mencari penaja - hadiah untuk artis dan juga pembaca. Cari penaja bukan tugas mudah. Macam kita dapat kereta tahun lalu, memanglah yang bagi kereta itu syarikat EON tetapi mereka tidak tahu apa komitmen orang Berita Harian untuk memastikan kereta itu menjadi milik Bintang Paling Populer dan juga pembaca bertuah.

Jadi, dalam bab mencari penaja ini memang bersilat teman dan suku sakat serta kekawan di Jabatan Pemasaran NSTP. Itulah sebabnya teman dan suku-sakat agak kecil hati apabila ada pemenang tahun lalu yang merungut mengenai cincin yang diberi, kononnya ia tidak berkualiti. Percayalah, ini semua bergantung kepada pihak penaja. Orang memberi kita merasa, orang berbudi kita pula berbahasa.

Kalau ikutkan, kita mahu memberi yang terbaik kepada pembaca kerana tanpa pembaca siapalah kita sebenarnya. Itulah sebabnya teman amat berbesar hati kalau jumpa pembaca yang sudi menegur teman seperti cik adik manis kita yang teman jumpa di PD. Hilang penat lelah seketika apabila mendapat tahu bahawa sekurang-kurang tugas dan tanggungjawab kita dihargai.

Begitu juga apabila melihat Siti Nurhaliza membawa kereta dengan nombor plat ABP2001, iaitu kereta Waja yang diterimanya apabila dinobatkan sebagai Bintang Paling Populer tahun lalu. Hati teman kembang berbunga kalau kereta itulah yang digunakan Siti untuk ke sana ke mari.

Oh ya... kebetulan bercakap mengenai Siti teman difahamkan bahawa penyanyi yang sudah lima kali dinobatkan sebagai Bintang Paling Populer itu tidak akan berada di dalam negara ketika majlis anugerah itu berlangsung. Khabarnya, Siti akan ke Shanghai, China untuk mengadakan konsert. Bertuah Siti kerana akhirnya dapat menghiburkan peminatnya di negara yang terkenal dengan Tembok Besarnya itu.

Nampak gayanya, kali ini Siti tidak akan bersama kita untuk memeriahkan lagi majlis. Nak buat macam mana kerana begitulah jadinya apabila kita terikat dengan tugas. Teman pun kadang kala terpaksa menolak undangan. Macam sambutan birthday Abang Mahathir (suami Kak Anita Sarawak) bulan lalu. Beriya-iya Kak Nita menjemput teman ke parti paling eksklusifnya

itu. Mulanya teman dah kata ya, tetapi disebabkan tugas teman terpaksa mendengar saja cerita Roslen (Penolong Pengarang Bintang Popular) mengenai betapa bertuahnyanya suami Kak Nita.

Begitu jugalah dengan parti sambutan hari jadi Ratu Soul, Ning Baizura pada 27 Jun lalu yang diadakan di Planet Hollywood. Hari itu teman siap memakai suit merah untuk menepati dress code yang tertera dalam kad jemputan Ning. Tetapi apakan daya kerana ada hal yang tidak dapat dielakkan teman pun sekadar mendengar cerita kekawan yang sempat hadir. Maaflah Ning! Pesanan teman, jangan serik menjemput teman kerana kalau tiada aral melintang teman pasti datang. Jumpa lagi! -
hanizam@bharian.com.my